

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI MAJLIS PERASMIAN BENGKEL TEMBIKAR
KOPERASI INDUSTRI KAMPUNG KEPALA BENDANG
DI SAYONG, KUALA KANGSAR, PERAK
PADA HARI ISNIN, 21HB. MEI, 1984
PUKUL 1.20 PETANG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ramli Ngah
Talib, Menteri Besar Negeri Perak;

Yang Berhormat Dato' Sanusi Junid, Menteri
Pembangunan Negara dan Luar Bandar;

Ahli-ahli Yang Berhormat;

Ketua-Ketua Jabatan;

Dato' -Dato';

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Koperasi Industri Kampung, Kepala Bendang, Sayong kerana sudi menjemput saya merasmikan Projek Tembikar di pagi ini. Saya juga mengambil kesempatan di hari yang bersejarah ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penduduk Kepala Bendang ini khususnya kepada pengusaha-pengusaha "labu sayong" yang mengambil inisiatif bersatu tenaga menubuhkan Koperasi Industri Kampung bagi tujuan mempergiat dan meningkatkan aktiviti masyarakat di Kepala Bendang ini dalam usaha-usaha yang mendatangkan faedah dari segi ekonomi.

2. Sebagai penduduk Sayong, tuan-tuan dan puan-puan boleh berbangga atas dua sebab.

Pertama, Sayong ini telah lama terkenal dengan labu sayongnya bukan sahaja di dalam negeri malah di luar negeri. Labu-labu Sayong yang telah sedia terkenal dengan identitinya sentiasa diketengahkan dan dipamirkan di pertunjukan kraftangan antarabangsa. Bentuk dan coraknya yang demikian rupa telah dapat menarik perhatian masyarakat antarabangsa. Kedua, Kampung Kepala Bendang, Sayong adalah kampung yang pertama dan sebagai perintis kepada penubuhan Koperasi Industri Kampung di negara kita. Bagi saya dengan kesediaan penduduk Kepala Bendang ini bersama di dalam sebuah koperasi sebagai satu petanda baik dalam kemajuan industri tembikar di negara ini. Adalah menjadi harapan saya semoga Koperasi Industri Kampung, Kepala Bendang, Sayong akan menjadi

contoh yang baik kepada Koperasi Industri Kampung lain yang akan ditubuhkan nanti.

3. Sekarang ini kita memberi penekanan bukan sahaja kepada nilai-nilai kecantikan yang ada pada satu usaha kraftangan tetapi juga kepada nilai-nilai "commercial". Sebagai barangan yang ingin diperdagangkan, rekabentuk dan rekacorak barangan hendaklah sentiasa dipersesuaikan dengan selera dan kehendak-kehendak pengguna. Telah terbukti banyak industri di dunia telah hilang lenyap kerana industri itu tidak dapat menyesuaikan dirinya dengan kehendak-kehendak dan selera pengguna. Begitu jugalah dalam perusahaan tembikar di Sayong ini, di samping kita mengekalkan identitinya, maka amat perlu bagi kita membuat perubahan-perubahan dalam teknik

pengeluaran, rekabentuk dan rekacoraknya sesuai dengan selera dan kehendak pengguna pada masa ini agar industri ini terus berkembang maju. Saya berharap agensi-agensi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar terutamanya Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia akan memberi bimbingan dan mendedahkan pengusaha-pengusaha di Kepala Bendang, Sayong kepada teknik pengeluaran yang lebih moden dan rekabentuk/rekacorak yang terbaharu.

4. Akhir sekali sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Karyaneka saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Ahli Jawatankuasa Karyaneka dan Industri Kampung Negeri Perak, Pejabat Daerah Kuala Kangsar

dan semua pihak yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan projek ini.

5. Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang, saya dengan sukacita merasmikan Bengkel Tembikar, Koperasi Industri Kampung, Kampung Kepala Bendang, Sayong, Kuala Kangsar, Perak.

Terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatulahi Wabarakatuh.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YATASAN
KEPIMPINAN
PERDANA